

SOALAN LAZIM (FAQ)
PERMOHONAN SURAT SOKONGAN EKSPATRIAT

1. Bilakah bayaran bagi setiap permohonan surat sokongan untuk Ekspatriat akan dikuatkuasakan dan berapakah jumlah bayaran yang dikenakan?

Bermula 1 September 2021, semua permohonan surat sokongan bagi pengajian Ekspatriat akan dikenakan bayaran sebanyak RM300 bagi setiap Ekspatriat yang dimohon.

2. Bagaimanakah cara bayaran bagi permohonan surat sokongan pengajian Ekspatriat?

Semua bayaran bagi permohonan surat sokongan pengajian Ekspatriat adalah secara atas talian (*online banking*) melalui portal Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB).

3. Selepas bayaran dilakukan adakah permohonan surat sokongan akan dimohon melalui portal Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB)?

Tidak. Selepas bayaran telah berjaya dibuat di portal CLAB, kontraktor perlu membuat permohonan surat sokongan di sistem CIMS CIDB Malaysia.

4. Apakah pra-syarat permohonan surat sokongan pengajian Ekspatriat dari CIDB Malaysia?

Pra-syarat bagi permohonan surat sokongan pengajian Ekspatriat adalah seperti berikut:

- Syarikat kontraktor masih sah berdaftar
- Syarikat kontraktor yang berdaftar gred G5 dan ke atas
- Syarikat kontraktor mempunyai projek pembinaan yang masih aktif
- Keperluan dan kewajaran pengajian ekspatriat
- Deskripsi dan justifikasi penjawatan keperluan ekspatriat diterangkan dengan jelas,
- Umur minima ekspatriat adalah 25 tahun.
- Kelayakan professional dan teknikal yang bersesuaian dengan jawatan yang dipohon dan berdasarkan pengalaman kerja ekspatriat:
 - a) Sijil : 10 tahun pengalaman kerja, atau
 - b) Diploma : 7 tahun pengalaman kerja, atau
 - c) Ijazah : 5 tahun pengalaman kerja, atau
 - d) Testimoni: Pengalaman kerja yang disahkan oleh majikan (Pengalaman kerja dikira dari tarikh graduasi)

- Memiliki kepakaran dan kemahiran bersesuaian dengan jawatan yang dipohon, dan
- Memiliki paspot/dokumen perjalanan yang sah dari negara-negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

5. Bagaimanakah cara memohon surat sokongan di sistem CIMS CIDB Malaysia?

Pihak syarikat boleh merujuk kepada Manual Pengguna yang telah disediakan di Sistem Ekspatriat CLAB (www.clab.com.my) atau sistem CIMS CIDB (www.cims.cidb.gov.my)

6. Berapa lamakah tempoh untuk mendapat keputusan surat sokongan dari CIDB Malaysia?

Permohonan surat sokongan akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Sokongan Ekspatriat (JKSE) pada setiap hari Rabu kecuali cuti umum.

7. Berapa lamakah tempoh sahlaku surat sokongan yang telah dikeluarkan oleh CIDB Malaysia?

Tempoh sahlaku surat sokongan adalah selama 90 hari dari tarikh surat dikeluarkan.

8. Bagaimanakah cara untuk memohon surat sokongan yang baharu sekiranya surat sokongan tersebut telah tamat tempoh 90 hari?

Surat sokongan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya melepasi tempoh sah laku 90 hari. Sekiranya pihak syarikat ingin meneruskan permohonan, pihak syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan surat sokongan ekspatriat (dengan menyatakan sebab pembatalan) yang bertandatangan Pengarah Syarikat serta surat sokongan terdahulu melalui emel kepada expatriate@clab.com.my .

9. Adakah semua Ekspatriat perlu mempunyai Kad Personel Binaan (Kad Hijau) semasa membuat permohonan surat sokongan bagi pembaharuan EP?

Ya. Semua Ekspatriat perlu mendaftar sebagai Personel Binaan di CIDB Malaysia dan mempunyai Kad Personel Binaan (Kad Hijau) **KECUALI** bagi jawatan Sumber Manusia (*HR*), Kewangan (*Finance*) dan Pentadbiran (*Administration*) yang hanya perlu menghadiri kursus SICW sahaja.

10. Bagaimanakah cara memohon Kad Personel Binaan untuk Ekspatriat?

Sila hubungi CIDB Careline di talian 03-55673300 atau layari laman web E-Bantuan CIDB <https://www.cidb.gov.my/ms/e-bantuan>

11. Sekiranya permohonan surat sokongan ditolak oleh CIDB Malaysia, adakah kontraktor perlu membuat permohonan baru dan membuat bayaran semula di CLAB?

Kontraktor boleh mengemukakan permohonan rayuan dan justifikasi melalui sistem CIMS. Sekiranya permohonan ditolak disebabkan dokumen atau maklumat yang tidak lengkap serta kesilapan mengisi maklumat di CIMS, pihak syarikat perlu mengemukakan permohonan baru dan bayaran semula.

12. Berapakah jumlah rayuan yang dibenarkan bagi setiap permohonan?

Jumlah rayuan yang dibenarkan bagi setiap permohonan adalah sekali sahaja.

13. Bagi permohonan surat sokongan untuk pembaharuan EP, jika ekspatriat mempunyai pasport baru adakah perlu dikemaskini dahulu di sistem CIMS CIDB sebelum pembayaran dibuat di Sistem Ekspatriat CLAB?

Tidak Perlu. Semasa pendaftaran bagi bayaran di Sistem Ekspatriat CLAB, kontraktor perlu mengisi nombor pasport lama ekspatriat. Selepas pembayaran selesai dilakukan, kontraktor boleh memohon surat sokongan dan mengemaskini nombor paspot baru ekspatriat di sistem CIMS CIDB.

14. Apakah jawatan yang BUKAN di bawah kawalselia CIDB Malaysia?

Terdapat 4 jawatan yang bukan di bawah kawal selia CIDB Malaysia iaitu:

- a) Jurutera
- b) Arkitek
- c) Pereka Dalaman (*Interior Design*)
- d) Juruukur (*Surveyor*)

15. Sekiranya EP Ekspatriat telah tamat tempoh, adakah kontraktor dibenarkan untuk membuat permohonan surat sokongan bagi pembaharuan EP Ekspatriat tersebut?

Kontraktor dibenarkan untuk memohon surat sokongan bagi pembaharuan EP Ekspatriat di CIDB Malaysia dengan melampirkan Pas Khas (*Special Pass*) yang masih sah.

16. Apakah dokumen yang perlu dimuatnaik oleh kontraktor di dalam sistem CIMS bagi permohonan surat sokongan ekspatriat?

- a) Surat setuju terima (Letter of award)/Perjanjian kontrak/Purchase order (PO) – masih sah melebihi 6 bulan
- b) Sijil Akademik Ekspatriat – disahkan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM)
- c) CV (*resume*) terkini Ekspatriat
- d) Carta Organisasi yang lengkap – perbezaan warna bagi pekerja tempatan dan asing
- e) Salinan passport Ekspatriat
- f) Salinan EP bagi permohonan pembaharuan (renewal)
- g) Letter Offer – nama Ekspatriat, jawatan & gaji hendaklah selaras dengan maklumat yang dimasukkan di dalam sistem.
 - Jumlah gaji minimum bagi jawatan Pengarah/ Pengarah Urusan adalah RM10,000.
- h) Lain-lain dokumen sokongan berkaitan seperti :
 - SSM – bagi permohonan jawatan Pengarah Urusan /Pengarah
 - Surat justifikasi dari syarikat tentang keperluan jawatan Ekspatriat yang dimohon.
 - *Job Description*

17. Apakah yang boleh dilakukan oleh kontraktor sekiranya tiada projek yang masih aktif tetapi memerlukan penggajian ekspatriat?

Pihak syarikat boleh mengemukakan surat rayuan bersama justifikasi keperluan penjawatan kepada pihak CLAB melalui emel expatriate@clab.com.my. Pihak syarikat akan dihubungi oleh pihak CLAB.

18. Berapa lamakah tempoh projek yang layak untuk memohon penggajian ekspatriat?

Kelayakan tempoh minima projek adalah masih berbaki 6 bulan bagi permohonan baru.

19. Adakah pihak ketiga (ejen) dibenarkan mewakili pihak syarikat untuk berurusan dengan CLAB/UPBA CIDB berkaitan permohonan surat sokongan ekspatriat?

Tidak dibenarkan, hanya wakil syarikat yang sah dan di dalam senarai KWSP syarikat sahaja dibenarkan untuk berurusan dengan CLAB/UPBA CIDB berkaitan permohonan surat sokongan ekspatriat.

20. Permasalahan berkaitan permohonan ekspatriat

Sekiranya syarikat mengalami masalah berkaitan permohonan ekspatriat, pihak syarikat boleh merujuk terus kepada CLAB melalui alamat emel: expatriate@clab.com.my atau hubungi 03-20959599 samb. 170/174.